



PROF. DATUK DR. MOHD. FAUZI RAMLAN (tengah) bersama-sama sebahagian graduan yang akan menerima hadiah pingat emas pada majlis konvokesyen UPM ke-39.

## UPM legasi kecemerlangan pertanian

**B**ERMULA daripada sebuah Sekolah Pertanian yang ditubuhkan pada 21 Mei 1931, kini Universiti Putra Malaysia (UPM) telah membuat lonjakan besar dan melakar pelbagai kejayaan dalam menyumbang kepada transformasi dan pembangunan pertanian negara.

Tentunya, kehadiran UPM telah membantu menghasilkan tenaga kerja berkualiti khususnya dalam bidang pertanian. Malah, baru-baru ini pada Majlis Konvokesyen Ke-39, UPM telah melahirkan lagi 6,944 graduan terdiri daripada 465 penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), 1,815 Ijazah Sarjana, 4,234 (Ijazah) dan 430 (Diploma).

Untuk konvokesyen kali ini, UPM mengetengahkan tema "Mendepani Pertanian", menepati status dan pencapaian cemerlang UPM dalam melonjakkan bidang pertanian negara.

Pada masa sama, pelbagai pengiktirafan di peringkat antarabangsa telah diterima UPM serta penarafan kedudukan dalam bidang Sains Pertanian yang terserlah di peringkat global, memperkuatkannya lagi hakikat kelebihan dan kekuatan tersendiri yang dimiliki universiti ini.

Mencapai usia 84 tahun pada 21 Mei lalu, reputasi akademik UPM terus gah di persada antarabangsa apabila ia unggul sebagai peneraju pendidikan pertanian bukan sahaja dalam negara, malah sudah mencipta nama di peringkat global.

UPM melakar kejayaan cemerlang apabila disenaraikan pada ranking ke-45 terbaik dunia untuk Best Global Universities for Agricultural Sciences yang dikeluarkan oleh U.S. News & World Report awal bulan ini.

Kedudukan penarafan itu meningkat sembilan anak tangga berbanding kedudukan ke-54 pada tahun 2014.

Di Asia Tenggara, UPM disenaraikan sebagai Universiti terbaik dan ke tujuh di Asia untuk Best Global Universities for Agricultural Sciences.

"Komitmen, semangat dan dedikasi komuniti UPM dalam memperkasakan bidang pertanian telah diiktiraf oleh penarafan global dan sekali gus membuktikan kebitaraan UPM dalam bidang Sains Pertanian.

"Kami berasa bangga dengan pencapaian cemerlang ini, malah kesungguhan dan komitmen dalam memartabatkan ilmu bidang tersebut telah meletakkan universiti kami antara yang terbaik di dunia," kata Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd Fauzi Ramlan.

Dinaik taraf sebagai Kolej Pertanian Melaya pada tahun 1947, seterusnya sebagai Universiti Pertanian Malaysia pada tahun 1973, status UPM sebagai pusat pengajian tinggi yang berteraskan sektor pertanian diperlihatkan secara jelas melalui tiga buah fakulti yang menjadi asas pengajiannya pada ketika itu dan satu bahagian asasi, iaitu Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Penternakan, Fakulti Perhutanan, Fakulti Pertanian dan Bahagian Sains Asasi.

Nyata, pertanian yang diterajui UPM, bukan dihadkan kepada tanaman untuk makanan tetapi mencakupi skop lebih luas termasuk penternakan, veterinar dan perhutanan, selain pernodaan disiplin ilmu yang berseuaian dengan keperluan masyarakat serta negara.

Meskipun namanya ditukar kepada Universiti Putra Malaysia pada April 1997 untuk menggambarkan statusnya sebagai pusat pengajian tinggi yang merangkumi pelbagai bidang, namun kedudukannya sebagai universiti yang bertunjangkan sektor pertanian tetap terpelihara malah semakin mantap.

Penekanan kepada pertanian juga diperlihatkan oleh UPM melalui tagline "Pertanian. Inovasi. Kehidupan", yang memperkuatkannya dokongan dan komitmen dalam mengekalkan bidang pertanian sebagai teras utama pengajiannya.

UPM turut unggul apabila kebolehpasan graduannya adalah 82.2 peratus – iaitu

yang tertinggi bagi institusi pengajian tinggi dalam negara. Mereka memperoleh pekerjaan dalam tempoh tiga bulan selepas konvokesyen. Peratusan itu dikeluarkan Kementerian Pendidikan bagi tahun 2014.

"Ini membuktikan tekad dan iltizam UPM sentiasa kukuh untuk terus melahirkan graduan yang berciri global, menepati keperluan majikan dan sekali gus mengangkat pelajar UPM ke taraf yang lebih baik," Dr. Mohd Fauzi.

Meskipun melangkah awal hanya sebagai Sekolah Pertanian, UPM kini mencipta legasi kecemerlangan dan membawa impak besar kepada landskap pembangunan pertanian negara serta menjadi sumber rujukan dalam meningkatkan kualiti pendidikan dan penyelidikan, khususnya bidang pertanian.



**Kami berasa bangga dengan pencapaian cemerlang ini, malah kesungguhan dan komitmen dalam memartabatkan ilmu bidang tersebut telah meletakkan universiti kami antara yang terbaik di dunia."**

**PROF. DATUK DR. MOHD FAUZI RAMLAN**  
Naib Canselor UPM



**UNIVERSITI PUTRA  
MALAYSIA**